



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

19 Ogos 2016 / 16 Zulkaedah 1437H

Sifat Rahmah Sesama Insan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga kita memperolehi bantuan dan pertolongan daripada Allah untuk menjalani kehidupan yang penuh dengan ujian. Amin!

Saudaraku,

Pada minggu lalu kita telah membicarakan tentang sifat rahmah Nabi s.a.w kepada umat Islam. Maka pada hari ini, marilah kita membincangkan suatu lagi aspek rahmah yang dipaparkan

Nabi s.a.w. sesama insan. Sama ada yang sama agama maupun yang berlainan agama.

Saudaraku,

Rahmah adalah sifat yang penting di dalam berinteraksi sesama umat manusia. Ia adalah wasilah bagi membina sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan aman, rukun dan makmur. Mentelah lagi di dalam konteks kehidupan kita di Singapura yang bercirikan masyarakat majmuk, maka sifat rahmah ini sangat-sangat diperlukan.

Junjungan besar nabi kita Muhammad s.a.w. memiliki sifat rahmah yang sangat tinggi. Sifat ini sentiasa bersama baginda ke mana sahaja beliau pergi. Di saat baginda berbicara dengan orang tua, pergaulannya dihiasi dengan nilai rahmah. Begitu juga hal keadaanya tatkala baginda bersama kanak-kanak, baginda melayani mereka dengan penuh rahmah. Begitu juga di saat baginda berinteraksi dengan mereka yang berlainan agama, interaksi baginda diwarnai dengan sifat kasih sayang dan menginginkan kesejahteraan dan keamanan buat mereka.

Di dalam Al-Quran, Allah Ta'ala telah menggariskan satu prinsip penting untuk dijadikan panduan hidup umat Islam ketika berinteraksi bersama saudara mereka yang berlainan agama. Prinsip tersebut adalah berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka. Firman Allah:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kediaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.” [Surah Al-Mumtahana ayat 8]

Menurut ayat yang baru sahaja saya bacakan tadi, orang mukmin seharusnya memiliki sifat adil dalam beliau berurusan dengan segenap individu, walaupun dengan mereka yang tidak seagama dengannya. Atas dasar dan prinsip ini kita menyaksikan pelbagai hadith yang menceritakan keadilan Nabi s.a.w. ketika berurusan dengan yang bukan Islam. Ada sebuah kisah yang ingin saya kongsi bersama, sebagai renungan kita.

Di zaman Nabi s.a.w., seorang Muslim didapati telah mencuri. Maka untuk menyelamatkan dirinya daripada dihukum, ada sesetengah pihak telah melontarkan tuduhan mencuri tersebut kepada seorang yang bukan beragama Islam, yang tidak terlibat langsung dalam hal ini. Mereka lalunya membawa isu ini kepada Nabi s.a.w. Maka turunlah beberapa ayat Al-Quran menjelaskan situasi tersebut. Firman Allah s.w.t. dalam surah An-Nisa’ ayat 105:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَبَكَ اللَّهُ
وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِبِينَ خَصِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.”

Wahyu diturunkan bukan sahaja sebagai penjelasan bagi situasi tersebut, akan tetapi ia memberi panduan kepada keseluruhan muslimin, bahawa yang dituntut Allah s.w.t. adalah untuk berlaku adil dan rahmah kepada keseluruhan insan. Tanpa mengambil kira warna kulitnya, rupa wajahnya dan bangsanya.

Saudaraku,

Dalam perkembangan dunia yang penuh dengan cabaran serta perkembangan teknologi maklumat, tidak dapat kita nafikan kemanfaatannya. Akan tetapi saudaraku, ia juga merupakan satu cabaran, bahkan boleh menjadi kemudaratan sehingganya kita tidak bijak mengurusnya dengan saksama.

Sebagai contoh, sering kali kita menyaksikan sebahagian individu yang menggunakan agama untuk mencetuskan

permusuhan antara individu masyarakat. Ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith nabi s.a.w. yang diambil secara zahir tanpa mempertimbangkan latarbelakang dan kisah disebalik suatu kejadian. Maka hasilnya adalah permusuhan yang berlaku antara kaum, disebabkan pemahaman yang cetek serta sempit bagi teks-teks agama.

Bahkan, kita kedengaran juga, sebahagian individu yang telah melampaui batas permusuhan kepada pembunuhan dan keganasan. Mereka menghalalkan pembunuhan ke atas sesiapa yang tidak sependapat dengan pendapatnya, sama ada muslim ataupun yang bukan Islam.

Apakah ini sejajar dengan aspek rahmat dan keadilan yang sering dipaparkan Nabi s.a.w.?

Sedangkan Allah melarang keras permusuhan dan pembunuhan tersebut. Perhatikan firman-Nya pada surah al-Maidah ayat 32 yang bermaksud: *“Bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Daripada khutbah hari ini, ingin saya membuat beberapa ringkasan daripadanya, seperti berikut:

Yang pertama, hubungan kemanusiaan merentasi bangsa dan agama adalah digalakkan, demi kesejahteraan dan kebaikan hidup bersama selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip murni agama kita.

Kedua, jika terdapat kezaliman yang berlaku sama ada lahir daripada pihak orang Islam mahu pun orang bukan Islam, maka kedua-duanya perlu ditangani dengan adil dan saksama.

Itulah sifat rahmah yang dianjurkan oleh Allah. Dan itulah rahmah yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w sepanjang hidupnya. Semoga kita dapat meneladani sifat rahmah Nabi s.a.w. di dalam pergaulan sesama manusia agar keharmonian dan kemakmuran negara dapat dinikmati bersama. Amin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.